

**PERATURAN-PERATURAN PERTANDINGAN KEJOHANAN OLAHRAGA
MAJLIS SUKAN SEKOLAH KEDAH KALI KE 66, TAHUN 2026**

1.0 UNDANG-UNDANG PERTANDINGAN

Kejohanan ini dijalankan mengikut Undang-undang Olahraga Dunia (WA), Undang-undang Kesatuan Olahraga Malaysia (KOM), Peraturan – Peraturan Am Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM), Peraturan-peraturan Pertandingan Kejohanan Olahraga Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM) dan Peraturan-peraturan Pertandingan Kejohanan Olahraga Majlis Sukan Sekolah Kedah (MSSK)

2.0 ACARA – ACARA DAN UKURAN SERTA TIMBANGAN ALAT – ALAT PERTANDINGAN

KOD ACARA	ACARA	LELAKI				PEREMPUAN			
		18 TKB	15 TKB	13 TKB	12 TKB	18 TKB	15 TKB	13 TKB	12 TKB
1	100 meter	X	X		X	X	X		X
2	200 meter	X	X		X	X	X		X
3	400 meter	X	X	X		X	X	X	
4	800 meter	X	X			X	X		
5	1000 meter				X				X
6	1500 meter	X	X	X		X	X	X	
7	3000 meter (T)	X				X			
8	80 meter L.Berpagar				X 0.762m	-	-		X 0.762m
9	100 meter L.Berpagar					X 0.762m	X 0.762m		
10	110 meter L.Berpagar	X 0.914 m	X 0.838 m			-	-		
11	200 meter L.Berpagar		X 0.838 m			-	X 0.762 m		
12	400 meter L.Berpagar	X 0.838 m				X 0.762 m	-		
13	2000 meter L.Berhalangan	X 0.838 m	X 0.762 m			X Terbuka 0.762 m			
14	3000 meter J.Kaki						X		
15	5000 meter J.Kaki		X			X			
16	10000 meter J.Kaki	X							
17	Lompat Tinggi	X	X		X	X	X		X
18	Lompat Jauh	X	X	X	X	X	X	X	X
19	Lompat Kijang	X	X			X	X		
20	Melontar Peluru	X 5.00 kg	X 4.00 kg		X 2.72 kg	X 3.00 kg	X 3.00 kg		X 2.72 kg
21	Melempar Cakera	X 1.50 kg	X 1.00 kg	X 1.00 kg		X 1.00 kg	X 1.00 kg	X 1.00 kg	
22	Merejam Lembing	X 700 g	X 600 g			X 500 g	X 500 g		
23	Baling Tukul Besi	X Terbuka (5.00 kg)				X Terbuka (3.00 kg)			
24	4 X 100 m	X	X		X	X	X		X
25	4 X 200 m				X				X
26	4 X 400 m	X	X			X	X		
27	Heptathlon					X Terbuka			
28	Octathlon	X Terbuka							
	JUMLAH	20	17	4	9	20	16	4	9

2.1 Kod 08 : Acara 80 meter Lari Berpagar

BIL PAGAR	TINGGI PAGAR	PAGAR 1 DARI GARISAN PERMULAAN	PAGAR KE PAGAR	PAGAR 8 KE GARISAN PENAMAT
8	0.762 m	12 meter	8 meter	12 meter

2.2 Kod 11 : Acara 200 meter Lari Berpagar

KATEGORI	BIL PAGAR	TINGGI PAGAR	PAGAR 1 DARI GARISAN PERMULAAN	PAGAR KE PAGAR	PAGAR 5 KE GARISAN PENAMAT
LELAKI 15 TKB	5	0.838 m	20 meter	35 meter	40 meter
PEREMPUAN 15 TKB	5	0.762 m	20 meter	35 meter	40 meter

2.3 Kod 13 : Acara 2000meter Lari Berhalangan

2.3.1 Ketinggian pagar halangan: **0.838 m** (18 Lelaki)
0.762 m (15 Lelaki dan Perempuan Terbuka)

2.3.2 Lompat Pagar : 18 kali

2.3.3 Lompat Air : 5 kali

2.3.4 Lompatan air ialah lompatan kedua pada pusingan pertama dan kemudiannya lompatan yang keempat dalam pusingan yang berikutan.

2.4 Kod 25 : Acara 4 X 200 meter

2.4.1 **Pelari Pertama** akan gunakan lorong sendiri dan akan bermula di garisan 1 ½ stagger – seperti pelari pertama dalam acara 4 X 400 meter.

2.4.2 **Pelari Kedua** akan bersedia di garisan satu stagger yang akan disediakan.

2.4.3 **Pelari Ketiga** akan bersedia di garisan ½ stagger (seperti pelari kedua dalam acara 4 X 400 meter). Selepas menerima baton daripada pelari kedua, pelari ketiga mestilah berlari di lorong masing – masing sehingga ke selekoh pertama dan kemudiannya, beliau boleh memotong masuk ke lorong pertama.

2.4.4 **Pelari Akhir** akan bersedia di tempat penerimaan baton mengikut " start list ", dan menerima baton dengan syarat dia tidak menghalang atau menolak peserta lain.

2.5 Kod 27 : Acara Heptathlon (Perempuan Terbuka)

2.5.1 Hari Pertama : 100m Lari Berpagar, Lompat Tinggi, Melontar Peluru dan 200m

2.5.2 Hari Kedua : Lompat Jauh, Merejam Lembing dan 800m

2.6 Kod 28 : Acara Octathlon (Lelaki Terbuka)

2.6.1 Hari Pertama : 100m, Lompat Jauh, Melontar Peluru dan 400m

2.6.2 Hari Kedua : 110m Lari Berpagar, Lompat Tinggi, Merejam Lembing dan 1500m

3.0 HADIAH – HADIAH

- 3.1 Acara individu sehingga 1500 m—Pertama, Kedua dan Ketiga.
- 3.2 Acara individu 2000 m dan jarak lebih daripadanya serta acara Heptathlon dan Octathlon - Pertama, Kedua, Ketiga, Keempat dan Kelima.
- 3.3 Acara Pasukan – Lima pingat akan diberikan kepada setiap pasukan yang berjaya menduduki tempat Pertama, Kedua dan Ketiga.

4.0 ACARA PERTANDINGAN

- 4.1 Setiap Majlis Sukan Sekolah Daerah (MSSD) adalah dibenarkan mendaftar **TIDAK LEBIH** daripada dua (2) orang peserta bagi setiap acara individu dan satu (1) pasukan bagi acara lari berganti-ganti
 - 4.1.1 Bagi kumpulan umur 13 TKB, peserta dibenarkan mengambil bahagian di bawah kumpulan umur 15 TKB dengan syarat tiada pertindihan acara bagi acara-acara yang dipertandingkan di bawah kategori umur 13 TKB iaitu 400m, 1500m, lompat jauh dan melempar cakera. Peserta layak mengambil tiga (3) acara individu termasuk acara terbuka serta dua (2) acara berpasukan.
 - 4.1.2 Bilangan maksima penyertaan seseorang peserta adalah seperti berikut :

KUMPULAN UMUR	INDIVIDU	LARI BERGANTI-GANTI
18 TKB	3 (termasuk acara terbuka)	2
15 TKB	3 (termasuk acara terbuka)	2
13 TKB	3 (termasuk acara terbuka)	2
12 TKB	2	2

- 4.2 Peserta – peserta Heptathlon dan Octathlon **TIDAK DIBENARKAN** mengambil bahagian dalam acara individu yang lain.
- 4.3 Acara **TERBUKA** hanya dibenarkan disertai oleh peserta – peserta yang berumur 12 tahun atau lebih pada 01 Januari tahun pertandingan.

5.0 KELAYAKAN AM PESERTA

- 5.1 Pelajar warganegara Malaysia yang belajar sepenuh masa di sekolah-sekolah rendah dan menengah serta sekolah swasta dan sekolah agensi kerajaan lain yang bergabung dengan MSS Kedah serta mematuhi Peraturan Am MSSM (Perkara 3.1.1) adalah layak menyertai kejohanan ini.
- 5.2 Penyertaan murid adalah tertakluk kepada had umur peserta. (Peraturan 4)
- 5.3 Semua peserta kecuali peringkat umur 12 tahun dan ke bawah hendaklah bersedia menunjukkan kad pengenalan asal jika diminta oleh pihak pengelola pertandingan.
- 5.4 Seseorang peserta yang hilang kad pengenalan mesti mempunyai dokumen JPN KP09/KPPK 09 dengan gambar ukuran pasport dari Jabatan Pendaftaran Negara. Manakala peserta yang

sedang memohon mendapatkan kad pengenalan kali pertama perlu menunjukkan dokumen JPN KP11/KPPK11 dengan gambar ukuran pasport dari Jabatan Pendaftaran Negara.

5.5 Pelajar Sekolah Harian. (Perkara 3.1.1)

5.5.1 Pelajar-pelajar yang sedang menunggu keputusan peperiksaan rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia tidak layak menyertai semua pertandingan MSSM.

5.5.2 Pelajar **Tingkatan 6 Semester 1/ STAM** yang telah mendaftar dan mempunyai **SURAT TAWARAN** dari Bahagian Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sahaja yang **LAYAK** mengambil bahagian.

5.5.3 Bukti pengesahan bagi penyertaan pelajar Tingkatan 6 Semesti 1/STAM sekolah bantuan kerajaan adalah dengan mengemukakan **salinan surat tawaran rasmi daripada KPM sahaja** mengikut tarikh pendaftaran yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

5.6 Pelajar Sekolah Swasta/Sekolah Agensi Kerajaan Lain (Perkara 3.1.2)

5.6.1 Sekolah swasta / Sekolah Agensi Kerajaan lain yang dibenarkan bermaksud sekolah yang bergabung serta membayar yuran penuh dengan Majlis Sukan Sekolah Kedah.

5.6.2 Murid sekolah swasta perlu menunjukkan bukti ia sedang belajar sepenuh masa di sekolah berkenaan supaya layak bertanding dalam kejohanan MSSM.

5.6.3 Murid sekolah swasta yang hendak menyertai kejohanan MSS Kedah hendaklah didaftarkan di Institusi Pendidikan Swasta selama 3 bulan sebelum tarikh kejohanan MSSM dan hadir sekurang-kurangnya 75% hari persekolahan.

5.6.4 Murid sekolah swasta yang sedang menunggu keputusan peperiksaan rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia adalah tidak layak menyertai kejohanan ini.

5.7 Pelajar Sekolah Sukan Negeri

5.7.1 Murid-murid yang menerima tawaran dan sedang belajar di Sekolah Sukan Negeri Kedah hendaklah mewakili daerah asal tempat ia bersekolah (sekolah terakhir) dalam pertandingan MSSK.

5.7.2 Jika khidmat pelajar berkenaan tidak diperlukan oleh daerah asalnya maka ia dibenarkan mewakili daerah lain dengan syarat MSS Daerah berkenaan mendapatkan kebenaran bertulis daripada MSS Daerah asal murid berkenaan.

5.7.3 Murid yang memasuki semula sekolah harian dari Sekolah Sukan Malaysia / Sekolah Sukan Negeri hendaklah mewakili daerah di mana sekolah terkini murid berkenaan sedang belajar. (Perkara 3.1.1.5).

5.7.4 Pelajar Sekolah Sukan Negeri hendaklah mewakili sekolah asalnya dalam pertandingan MSS Daerah dengan disertakan permohonan secara bertulis kepada Pengetua Sekolah Sukan Negeri.

5.7.5 Pelajar sekolah rendah dari daerah lain selain daerah Kubang Pasu yang ditawarkan ke Sekolah Sukan Negeri hendaklah mewakili sekolah menengah asal yang ditawarkan sebelumnya oleh Pejabat Pendidikan Daerah dalam pertandingan MSS Daerah masing-masing (tertakluk kepada peraturan daerah masing-masing) berserta permohonan bertulis kepada Pengetua Sekolah Sukan Negeri.

6.0 PENDAFTARAN PESERTA – PESERTA

- 6.1 Pendaftaran peserta hendaklah dibuat mengikut **tatacara sistem pendaftaran masuk** yang telah ditetapkan oleh pengelola yang kemudiannya akan disebut Borang Pendaftaran Rasmi kejohanan.
- 6.2 Semua butiran yang terdapat dalam borang pendaftaran hendaklah dilengkapkan dan disahkan oleh Pegawai Pendidikan Daerah masing-masing.
- 6.3 Borang Pendaftaran yang telah ditandatangani oleh Pegawai Pendidikan Daerah akan menjadi dokumen rasmi kejohanan dan serah pada 03 Ogos 2026 jam 10pagi hingga 12.00 tghr di Bilik Mesyuarat SK Bandar Baharu Sintok.
- 6.4 Peserta-peserta yang hanya menyertai acara lari berganti-ganti juga dikehendaki mendaftar.
- 6.5 Peserta-peserta setiap MSS Daerah hendaklah menyertakan **BORANG M01 DAN R01 berserta gambar, satu salinan Kad Pengenalan** (sekolah Menengah) / **salinan Surat Beranak** (pelajar sekolah rendah) yang telah disahkan oleh Pengetua/Guru Besar/ Penolong Kanan sekolah peserta yang berkenaan. dan **surat kebenaran waris** seperti lampiran B, Pekeliling Ikhtisas Bil. 5/2007
- 6.6 Peserta-peserta Kategori 18 Tahun Ke Bawah dan 15 Tahun Ke Bawah **WAJIB** membawa Kad Pengenalan asal atau setaraf dengannya sebagai Pengesahan Rasmi. Surat Akuan, Surat Sumpah dan sebagainya **TIDAK AKAN DITERIMA** (Perkara 4.5)
- 6.7 Tarikh tutup pendaftaran : 30 JULAI 2026. Dokumen penting semasa pendaftaran Borang M01/R01 beserta gambar, salinan kad pengenalan (sek. Men.)/ surat beranak (sek. Ren) disahkan oleh pentadbir tempat atlit bersekolah, deklarasi kesihatan, surat kebenaran waris utk rakaman dan surat tawaran ting 6 (bagi pelajar ting 6).

7.0 PENGESAHAN PESERTA – PESERTA**7.1 Mesyuarat Pengundian**

- 7.1.1 Mesyuarat Pengesahan dan Undian akan diadakan satu minggu sebelum kejohanan. Pengerusi Teknik Olahraga MSS Daerah, Pengurus Pasukan dan Ketua Jurulatih diminta menghadiri mesyuarat pengundian tersebut.
- 7.1.2 Nama-nama peserta yang akan mengambil bahagian dalam semua acara hendaklah disahkan dalam/pada mesyuarat ini. Segala pertukaran dan pengantian peserta atau acara boleh dilakukan dalam mesyuarat tersebut.
(TIADA PENAMBAHAN PESERTA BARU)
(SELEPAS ITU SEMUA PERTUKARAN / PENGANTIAN TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN).

7.2 Taklimat Pengurus Pasukan

Semasa taklimat ini, hanya penguguran acara dan penarikan diri **TANPA** penggantian dibenarkan.

7.3 Penarikan Diri Semasa Kejohanan Dijalankan

- 7.3.1 Jika didapati seseorang peserta setelah disahkan semasa Taklimat Pengurus-Pengurus Pasukan, tidak mengambil bahagian dalam sesuatu acaranya, **KECUALI** jika dapat mengemukakan surat pengesahan sakit / cedera daripada Pegawai Perubatan Kejohanan, atlet berkenaan tidak akan dibenarkan menyertai acara-acara seterusnya yang didaftarkan atas namanya.

7.3.2 Seseorang peserta yang menarik diri daripada mana-mana acara selepas mengambil bahagian dalam pusingan awal, tanpa surat pengesahan sakit / cedera daripada Pegawai Perubatan Kejoanan, adalah dianggap sebagai menarik diri daripada semua acara seterusnya yang didaftar atas namanya.

7.3.3 Seseorang peserta yang menarik diri daripada mana-mana acara atas nasihat Pegawai Perubatan Kejoanan, hanya boleh mengambil bahagian seterusnya dalam semua acara yang didaftarkan atas namanya dengan mengemukakan surat pengesahan daripada Pegawai Perubatan Kejoanan kepada Pengurus Kejoanan.

7.4 **Penggantian Dalam Acara Lari Berganti-Ganti**

Penggantian bagi acara Lari Berganti-Ganti dihadkan kepada dua (2) orang peserta yang didaftarkan dalam Disket / Borang Penyertaan Rasmi. Peraturan ini meliputi penyertaan di pusingan Separuh Akhir dan Akhir.

7.5 **Pembatalan Acara**

Acara yang **KURANG DARIPADA TIGA** (3) orang peserta atau pasukan, tidak akan dipertandingkan.

8.0 **MELAPORKAN DIRI PESERTA**

8.1 Semua peserta mesti melaporkan diri seperti jadual di bawah sebelum waktu acara berkenaan dijadualkan berlangsung. Selepas itu, mereka akan diiringi ke tempat pertandingan oleh Penyelia Peserta.

ACARA	MASA LAPOR DIRI	MASA BERGERAK KE ARENA
Balapan	30 minit sebelum acara bermula	10 minit sebelum acara bermula
Padang	45 minit sebelum acara bermula	20 minit sebelum acara bermula

8.2 Peserta-peserta yang lewat melaporkan diri, iaitu 15 minit sebelum acara mereka dimulakan, Referi Bilik Panggilan **boleh membatalkan penyertaan** dalam acara tersebut dan akan dianggap sebagai telah menarik diri.
(Peraturan 7.3.3 diguna pakai)

8.3 Peserta-peserta **TIDAK DIBENARKAN** melaporkan diri terus kepada Pegawai Teknik dalam arena pertandingan.

8.4 Hebahan tentang panggilan peserta-peserta untuk melaporkan diri bagi acara-acara mereka **TIDAK AKAN DIBUAT**. Maklumat meminta peserta melaporkan diri hanya disiarkan di papan kenyataan di tempat Penyelia Peserta. Hebahan hanya akan dibuat sekiranya terdapat sebarang pindaan dalam susunan acara atau program kejoanan.

8.5 Peserta-peserta hendaklah berpakaian lengkap dan nombor-nombor mereka mesti disematkan dengan pin pada setiap penjuru di baju lari masing-masing.

9.0 **PROSEDUR MASUK DAN KELUAR ARENA PERTANDINGAN**

9.1 Peserta-peserta hendaklah berbaris apabila dibawa masuk dan keluar daripada arena pertandingan diringi oleh Penyelia Peserta.

9.2 Untuk acara balapan, selepas sesuatu acara itu tamat, peserta-peserta hendaklah berada di lorong masing-masing, berpusing balik dan menghadap hakim-hakim balapan untuk menunjukkan nombor mereka dan balik ke tempat peserta dengan serta merta tanpa memasuki padang.

10.0 MEMANASKAN BADAN

Peserta-peserta hanya dibenarkan memanaskan badan di tempat yang ditentukan oleh pengelola.

11.0 BLOK PERMULAAN

- 11.1 Semua acara yang tersebut di bawah untuk peringkat umur 18 tahun ke bawah, 15 tahun ke bawah dan 12 tahun ke bawah (Lelaki dan Perempuan) bermula dengan mulaan dekam dan blok permulaan (starting block) **MESTI DIGUNAKAN**

Acara: 100m, 200m, 400m, 80m Lari Berpagar, 100m Lari Berpagar, 110m Lari Berpagar, 400m Lari Berpagar, 4 x 100m, 4 x 200m dan 4 x 400m

12.0 PAKU KASUT (SPIKES) DAN PERALATAN

- 12.1 **Paku Kasut** : Kejohanan ini akan diadakan di atas balapan jenis sintetik. Panjang maksimum paku kasut (spikes) tidak boleh melebihi 09mm, kecuali untuk acara Lompat Tinggi dan Merejam Lembing. Untuk acara-acara tersebut, paku kasut tidak boleh melebihi 12mm. **Maksimum ketebalan kasut berpaku atau tidak berpaku (spike shoes atau no spike shoes) adalah 20mm bagi acara bagi acara balapan dan 40mm bagi acara lumba jalan kaki (WA Shoes Regulation C2-1A) Appendix 3.**

- 12.2 **Peralatan** : Pihak Pengelola akan menyediakan semua peralatan termasuk blok permulaan.

- 12.3 **Baju** : Bagi acara berpasukan semua peserta dikehendaki memakai baju yang sama mengikut pasukan masing-masing.

13.0 CARA MENANDA DI TEMPAT-TEMPAT PERTANDINGAN

Peserta-peserta tidak dibenarkan menggunakan kapur atau lain-lain bahan sepertinya untuk menandakan di tempat-tempat pertandingan. Mereka hendaklah menggunakan pita pelekat yang disediakan oleh Pihak Pengelola. Ukuran maksimum pita pelekat yang dibenarkan 5 cm x 40 cm.

14.0 UKURAN TINGGI PERMULAAN

Bagi acara-acara tersebut di bawah, ukuran tinggi permulaan adalah seperti berikut :

- 14.1 Lompat Tinggi - Ketinggian permulaan palang.

14.1.1 **Lelaki 18 tahun .**

1.65m, 1.70m, 1.75m, 1.80m, 1.85m, 1.89m, 1.93m, 1.97m, 2.00m, 2.03m, 2.06m, 2.08m, 2.10m, 2.12m, dan seterusnya.

14.1.2 **Perempuan 18 tahun**

1.25m, 1.30m, 1.35m, 1.40m, 1.45m, 1.49m, 1.53m, 1.57m, 1.60m, 1.63m, 1.66m, 1.68m, 1.70m, 1.72m, dan seterusnya.

14.1.3 **Lelaki 15 tahun**

1.55m, 1.60m, 1.65m, 1.70m, 1.75m, 1.79m, 1.83m, 1.87m, 1.90m, 1.93m, 1.96m, 1.98m, 2.00m, 2.02m, dan seterusnya.

14.1.4 **Perempuan 15 tahun**

1.25m, 1.30m, 1.35m, 1.40m, 1.44m, 1.48, 1.52m, 1.55m, 1.58m, 1.61m, 1.63m, 1.65m, 1.67m, dan seterusnya.

14.1.5 Lelaki 12 tahun

1.25m, 1.30m, 1.35m, 1.40m, 1.45m, 1.49m, 1.53m, 1.57m, 1.60m, 1.63m, 1.66m, 1.68m, 1.70m, 1.72m, dan seterusnya.

14.1.6 Perempuan 12 tahun

1.15m, 1.20m, 1.25m, 1.30m, 1.34m, 1.38m, 1.42m, 1.45m, 1.48m, 1.51m, 1.53m, 1.55m, 1.57m, dan seterusnya.

14.1.7 Perempuan Terbuka Heptathlon

Ukuran pemulaan 1.20m, kenaikan 3cm dan seterusnya

14.1.8 Lelaki Terbuka Octathlon

Ukuran pemulaan 1.45m, kenaikan 3cm dan seterusnya

15.0 PAPAN LONJAKAN ACARA LOMPAT KIJANG

15.1 Jarak papan lonjakan dari kawasan mendarat bagi acara Lompat Kijang adalah seperti berikut:

PERINGKAT UMUR	LELAKI	PEREMPUAN
15 TKB	9 / 11 m	7 / 9 m
18 TKB	11 / 13 m	9 / 11 m

16.0 CARA MEMUTUSKAN KEPUTUSAN KEJOHANAN**16.1 Acara Heptathlon dan Octathlon**

16.1.1 Pemenang ialah peserta yang dapat mengumpul jumlah mata yang terbanyak dalam tujuh atau lapan acara mengikut keadaan, berdasarkan Jadual Mengira Mata WA, walaupun ukuran berat bagi acara Melontar Peluru dan Merejam Lembing tidak sama dengan kehendak WA

16.1.2 Sekiranya seri, maka pemenang bagi mana-mana acara akan di kira sebagai **Pemenang Bersama**. Keadaan ini digunakan untuk memutuskan seri bagi sebarang tempat dalam pertandingan ini.

16.2 Penentuan Peserta Terbaik

16.2.1 Hadiah Anugerah peserta terbaik adalah untuk kategori berikut:

- 16.2.1.1 Lelaki 18 tahun ke bawah
- 16.2.1.2 Perempuan 18 tahun ke bawah
- 16.2.1.3 Lelaki 15 tahun ke bawah
- 16.2.1.4 Perempuan 15 tahun ke bawah
- 16.2.1.5 Lelaki 12 tahun ke bawah
- 16.2.1.6 Perempuan 12 tahun ke bawah
- 16.2.1.7 Olahragawan
- 16.2.1.8 Olahragawati

16.2.2 Penentuan Pemenang anugerah ini adalah berdasarkan kepada kriteria berikut;

- 16.2.2.1 Hadiah-hadiah peserta terbaik akan diberi kepada peserta berdasarkan **pemecah rekod baru** berstatus (ikut ranking kejohanan) KOM, Kejohanan MSS Asean, MSSM dan **jumlah**

rekod yang diperbaharui dengan mengambil kira bilangan pingat emas, perak dan gangsa. Sekiranya kedudukan sama, usia rekod diambil kira.

- 16.2.2.2 Sekiranya tiada rekod yang diatasi / dicatat, jumlah pungutan pingat emas atau perak atau gangsa dalam acara individu akan diambil kira.
- 16.2.2.3 Sekiranya pungutan pingat emas masih sama, pungutan pingat perak dan pingat gangsa dalam acara individu akan diambil kira.
- 16.2.2.4 Sekiranya kedudukan masih sama juga, maka keputusan akan dibuat berdasarkan Jadual Mengira Mata WA bagi pencapaian terbaik acara tertentu setiap peserta
- 16.2.2.5 Olahragawan dan olahragawati di beri kepada peserta terbaik keseluruhan (lelaki dan perempuan).

16.3 Johan Keseluruhan

Johan Keseluruhan dianugerahkan kepada Kontinjen Olahraga Majlis Sukan Sekolah Daerah yang memenangi pingat emas terbanyak. Jika berlaku seri, kiraan pingat perak terbanyak akan di ambil kira; jika masih seri, kiraan pungutan pingat gangsa terbanyak akan diambil kira.

17.0 SEPARUH AKHIR

17.1 Empat (4) Separuh Akhir

Pemenang setiap separuh akhir dan empat (4) pencatat masa terpanjang akan layak memasuki Peringkat Akhir.

17.2 Tiga (3) Separuh Akhir

Dua (2) peserta pemenang dan dua (2) peserta yang mencatat masa yang terbaik bagi ketiga-tiga separuh akhir layak ke Peringkat Akhir.

17.3 Dua (2) Separuh Akhir

Tiga (3) peserta pemenang dari setiap separuh akhir dan dua (2) lagi peserta yang mencatatkan masa terbaik daripada kedua-dua separuh akhir layak ke Peringkat Akhir.

- 17.4 Sekiranya terdapat bilangan peserta yang mencatatkan masa terbaik lebih daripada bilangan yang dihadkan pada para 17.1, 17.2, dan 17.3, maka penentuan kelayakan akan bergantung kepada kedudukan peserta. Jika berlaku kedudukan yang sama, cabutan undi akan dilakukan oleh Juri Rayuan.

- 17.5 Semua pengundian lorong untuk acara akhir, semasa kejohanan dijalankan akan dilakukan oleh Jawatankuasa Kecil Pertandingan dan Perangkaan dengan pengawasan / Penyeliaan oleh Wakil Teknik KOM atau MSSK.

18.0 BIB NOMBOR PENGENALAN MSS DAERAH

18.1 Kod-kod warna dan nombor berikut akan digunakan untuk pengenalan daerah.

BIL	MSS DAERAH	HURUF	NOMBOR	WARNA DAERAH
1	KOTA SETAR	A	100 – 199	KUNING
2	KUBANG PASU	B	200 – 299	UNGU
3	PADANG TERAP	C	300 – 399	JINGGA
4	KUALA MUDA	D	400 – 499	HIJAU
5	BALING	E	500 – 599	MERAH
6	KULIM BANDAR BAHARU	F	600 – 699	BIRU MUDA
7	LANGKAWI	G	700 – 799	BIRU TUA
8	PENDANG	H	800 – 899	MERAH JAMBU
9	SIK	J	900 – 999	PUTIH
10	YAN	K	001 - 099	KELABU

19.0 BANTAHAN

Segala bantahan hendaklah dibuat mengikut Peraturan 146 KOM, kecuali perkara berikut:

- 19.1 Segala masalah berkaitan dengan kelayakan (status) seseorang peserta yang tidak dapat diselesaikan dengan memuaskan sebelum pertandingan bermula, maka peserta tersebut boleh mengambil bahagian di bawah bantahan (under protest) dan perkara tersebut akan dikemukakan kepada MSSK kelak.
- 19.2 Bantahan berhubung dengan acara-acara yang sedang dijalankan hendaklah dilakukan dengan serta merta dan tidak lewat daripada
- 19.2.1 Lima belas (15) minit setelah keputusan rasmi diumumkan bagi acara-acara pusingan awal
- 19.2.2 Tiga puluh (30) minit setelah keputusan rasmi diumumkan bagi acara-acara peringkat akhir
- 19.2.3 Sebarang bantahan bertulis kepada Juri Rayuan mesti disertai dengan wang Pertaruhan sebanyak **RM 200.00 (Ringgit Malaysia: Dua Ratus Sahaja)**.
- 19.2.4 Video rakaman tidak rasmi **TIDAK BOLEH** dijadikan sebagai bukti rakaman semasa membuat bantahan.

20.0 HAK – HAK JAWATANKUASA PENGELOLA

- 20.1 Tiap-tiap acara akan dijalankan mengikut tarikh dan waktu seperti yang ditetapkan, tetapi Jawatankuasa Pengelola dengan persetujuan Pengerusi Teknik dan Pembangunan Olahraga MSSK, berhak meminda susunan acara jika difikirkan perlu. Jika berlaku pemindaan, Pengurus-pengurus Pasukan akan diberitahu.
- 20.2 Jawatankuasa Pengelola berhak memutuskan sebarang perkara yang tidak tercatat dalam Undang-Undang Olahraga KOM terkini, Peraturan-Peraturan Am MSSM atau Peraturan-Peraturan Pertandingan Kejohanan Olahraga MSSK. **Termasuk TIDAK MEMBENARKAN penglibatan pelajar warga asing dalam kejohanan ini.**

21.0 HAL – HAL LAIN

- 21.1 Tempat-tempat khas akan disediakan untuk peserta-peserta dan pegawai-pegawai. Individu yang tidak berkenaan **DILARANG** masuk ke tempat-tempat khas tersebut.
- 21.2 Selain daripada Pegawai-Pegawai Teknik yang bertugas dan peserta-peserta yang mengambil bahagian, **TIDAK SESIAPAPUN DIBENARKAN MASUK KE ARENA PERTANDINGAN KECUALI DENGAN KEBENARAN PENGURUS KEJOHANAN.**
- 21.3 Jawatankuasa pengelola tidak bertanggungjawab ke atas kemalangan, kematian, kecacatan anggota kehilangan anggota badan / harta benda / sebarang kecederaan lain berlaku:
 - 21.3.1 Semasa perjalanan pergi dan balik dari penginapan ke stadium
 - 21.3.2 Semasa kejohanan dijalankan
 - 21.3.3 Di dalam dan di luar kawasan stadium
 - 21.3.4 Di tempat-tempat penginapan
- 21.4 Walau bagaimanapun, pihak Pengelola Kejohanan akan berusaha untuk mengambil langkah-langkah bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan peserta dan pegawai terjamin setakat mana yang munasabah.

Disediakan oleh:

PTPS Olahraga MSSK